

19 JUN 1998

AZMAN-KADAR FAEDAH/I

AZMAN: KADAR FAEDAH BOLEH STABIL JIKA KADAR RINGGIT LUAR PESISIR RENDAH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pengerusi AMMB Holdings Bhd Tan Sri Azman Hashim menyatakan hari ini kadar faedah tempatan akan stabil jika kadar faedah luar pesisir bagi ringgit turun.

"Dengan campur tangan oleh Amerika Syarikat dan Jepun untuk membantu yen, saya diberitahu kadar ringgit luar negara kini telah turun kepada 11 peratus dan menjejaskan spekulator," tambahnya.

Spekulator menawarkan kadar bagi ringgit setinggi 30 peratus di atas jangkaan bahawa matawang tempatan itu akan terus jatuh, katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan perhimpunan agung UMNO di sini.

"Dengan kadar ringgit luar pesisir jatuh kepada 11 peratus, saya berharap akan tiada insentif bagi dana-dana untuk mengalir keluar daripada sistem dan mungkin kemudiannya kadar kita boleh stabil," tambahnya.

Peminjam daripada dana institusi kewangan tempatan merasakan kadar yang dikenakan ke atas mereka adalah sangat tinggi, katanya.

"Malahan bagi bank itu sendiri, kos dana sedia ada yang terpaksa ditanggung oleh mereka adalah tidak munasabah.

"Kadar faedah bank-bank adalah dengan kos dana, di mana berapa banyakkah kami membayar bagi deposit," katanya.

Ketika ini, bank-bank menawarkan sehingga 11 peratus faedah ke atas deposit tetapi apabila rizab berkanun, overhead dan margin ditambah, kadar naik lebih tinggi pada kira-kira 16 peratus, tambah Azman.

Mengenai tebaran sebenar bayaran faedah, beliau berkata berbeza antara seorang pelanggan dengan pelanggan yang lain.

"Pelanggan yang paling kukuh dan kurang risiko tebaran akan menjadi lebih rendah," tambahnya.

Beliau berkata bank-bank perlu berusaha untuk memberi pinjaman bagi membantu memulihkan semula ekonomi tetapi mereka masih perlu mengimbangi usaha tersebut dengan keperluan untuk memberi pinjaman kepada "peminjam baik."

-- BERNAMA

AD ZK MA